



Khaled Abou El Fadl: Nafas Baru Kepada Tradisi Ilmu Islam

Alfian Yasrif Kuchit
Calon LL.M, Columbia Law School, Amerika Syarikat

My primary focus is on the ethos of knowledge and beauty in modern Islam.

- Khaled Abou El Fadl*

Pengenalan: *Islam yang bagaimana?*

Tidak susah untuk membayangkan bahawa institusi-institusi sosio-budaya, ekonomi dan politik serta darjat kedudukan seseorang itu memainkan peranan dalam mencorak kehidupan keagamaan. Begitu juga, Islamnya seorang penguasa penindas pastinya berbeza dengan Islamnya seorang miskin “dzamatrabah”.¹

Permasalahan ini boleh juga disesuaikan dengan konteks wacana keagamaan Islam masa kini. Apakah wacana keagamaan yang bersifat pemaksa (*authoritarian*) seperti mana seorang pemilik hamba memaksa kehendaknya terhadap hambanya sama dengan wacana keagamaan yang bersifat wibawa (*authoritative*)?

¹ Lihat al-Qur'an 90:17. Ayat ini memberi gambaran orang miskin yang begitu menderita sehingga badannya diselaputi tanah.



Persoalan wacana keagamaan inilah yang menjadi pokok perbincangan tulisan Prof. Khaled Abou El Fadl. Dalam karya-karya beliau, apa yang sering dikupas adalah perbincangan mengenai wacana keagamaan yang bersifat wibawa (*authoritative*) dan wacana keagamaan yang bersifat pemaksa (*authoritarian*). Perbahasan beliau mempunyai unsur-unsur liberatif serta transformatif agar seseorang itu bebas dari pengabdian mental dan menuju kepada pengabdian kepada Tuhan yang Maha Esa.

Syariah sebagai usaha yang masih berlanjutan²

Prof. Khaled risau lagi runting ketika melihat Syariah masakini tidak lagi wujud sebagai suatu epistemologi, proses dan metodologi pemahaman dan pencarian. Ianya bahkan wujud sebagai hukum-hukum yang tetap serta tertutup dari persoalan atau perbincangan lanjut tanpa adanya kemungkinan untuk pengembangan atau perubahan. Jelasnya, Prof. Khaled kesal bahawa undang-undang Islam wujud pada masa kini sebagai aturan-aturan hukum dan bukan sebagai suatu proses *fiqh*.³

Menurutnya lagi, Syariah adalah suatu proses, metodologi dan moraliti. Intipati moraliti ini adalah nilai-nilai keindahan. Peraturan-peraturan atau ahkam adalah produk pemahaman manusia terhadap Syariah, tetapi peraturan-peraturan tersebut dengan sendirinya tidak mewakili keindahan Tuhan. Pastinya, peraturan-peraturan tidak dapat mengartikulasi secara substantif ruh moraliti keislaman.

² Lihat Khaled Abou El Fadl, *Speaking in God's Name: Islamic Law, Authority, and Women* (Oxford: Oneworld Publications, 2001), ms. 145. Prof. Khaled menulis mengenai "Islamic law as a work in movement".

³ Ibid., ms. 171.



Peraturan-peraturan sebenarnya adalah mengenai sempadan dan sempadan-sempadan tersebut adalah hasil daripada suatu usaha untuk memberi kesan kepada suatu moraliti yang tertentu ataupun dihasilkan kerana keadaan yang tertentu. Walaupun peraturan-peraturan mungkin mengambil inspirasi dari visi moral atau idea-idea normatif, peraturan-peraturan tersebut tidak dengan sendirinya melambangkan visi moral atau etos.⁴

Prof. Khaled menerangkan bahawa:

Syariah as conceived by God is flawless, but as understood by human beings Syariah is imperfect and contingent. Jurists ought to continue to explore the ideal of Syariah and to expound their imperfect attempts at understanding God's perfection. ... Syariah is not simply a collection of ahkam (a set of positive rules) but also a set of principles, a methodology, and a discursive process that searches for the divine ideals. As such, Syariah is a work in progress that is never complete.⁵

Etos pencarian ilmu dan keindahan dalam Islam

Etos pencarian ilmu dalam Islam terbit daripada suatu keyakinan bahawa pencarian ilmu adalah suatu ibadah dan kelakuan beretika. Ilmu itu milik Tuhan yang Maha Mengetahui tetapi manusia mempunyai tanggungjawab untuk berusaha mencari ilmu. Walaupun begitu, manusia tidak akan pernah mencapai kebenaran Tuhan dengan seluruhnya. Ini tidaklah bermaksud bahawa

⁴ Khaled Abou El Fadl, *Conference of the Books: The Search for Beauty in Islam* (Maryland: University Press of America, 2001), ms. xviii.

⁵ Khaled Abou El Fadl, "Islam and the Challenge of Democracy: Can Individual Rights and Popular Sovereignty Take Root in Faith?" *Boston Review*, Apr/May 2002.



kebenaran itu relatif. Sebaliknya, apa yang dimaksudkan oleh Prof. Khaled adalah “[d]iligence and persistence in searching, as well as debate and engagement, would yield greater insights into God’s infinite knowledge, but at all times the knowledge attained would be partial and incomplete.”⁶

Oleh kerana Syariah itu jalan menuju kepada Tuhan, ianya menjadi jalan kepada keindahan. Di dalam sebuah hadis, Rasulullah mengatakan bahawa Allah itu indah dan mencintai segala yang indah. Walaupun keindahan ciptaan Tuhan yang bersifat temporal akan musnah, keindahan Tuhan yang sejati tetap kekal abadi. Setiap kali seseorang melihat sesuatu yang indah, tidak sukar untuk membayangkan bahawa apa yang indah mempunyai manifestasi ketuhanan. Walaupun begitu, oleh kerana seseorang itu mempunyai kelemahan serta kecenderungan yang subjektif, ia harus mengekang keghairahan dirinya dengan kewajipan untuk merenung, menelaah dan mengkaji.

Selanjutnya, Prof. Khaled berkata lagi:

There is an innate and intuitive sense of the beautiful which is the *fitra* that God has implanted in all of us. This *fitra* is corrupted not only by arrogance, which often equates human desire and the truth of God, but even more, it is corrupted when people ignore or forget its existence, and forget that they have an intuitive sense of the ethical, the just, and the beautiful. God commands that humans observe *ihsan*, command the *ma'ruf*, and forbid the *munkar*. *Ihsan* means that which is commonly known to be good, *ma'ruf* means that which is commonly known to be right, and *munkar* means that which is commonly known to be reprehensible. In each of these categories, the implicit assumption is that humans possess an intuitive sense of right and wrong. This is why God states that wrong and right have been inspired in every soul. Those who corrupt their soul fail, and those who purify it succeed (91:8-10).⁷

⁶ Conference of the Books, ms. xv.

⁷ Ibid., ms. 114.



Kajian Prof. Khaled terhadap tradisi ilmu Islam membuatnya kagum dengan keindahan metodologi yang ada di dalam tradisi tersebut. Walaupun begitu, beliau juga turut menyarankan agar metodologi tradisi ilmu Islam dialihkan kepada pencarian nilai Islam yang utama, iaitu keindahan. Ujar beliau:

I believe that the core and kernel of Islam is the search for beauty – the search for God’s inexhaustible beauty and the beauty of God’s creation. The search for God’s law must attempt to pursue, express, promote, and re-create God’s beauty. The search for beauty will necessarily mean transcending rule-making to the discovery of normative values. The normative values should inspire and direct the process of rule-making, but... the rules themselves cannot be equated with morality or the core value of beauty.⁸

Kekaguman Prof. Khaled dengan metodologi tradisi ilmu Islam klasik bukanlah suatu romantisme sejarah, iaitu mengagungkan masa lalu tanpa adanya apresiasi kritis. Menurutnya, tradisi ilmu Islam klasik mempunyai kekurangan tetapi warisan intelektual ini jauh lebih baik daripada apa yang ada sekarang serta jauh lebih selaras dengan ruh moraliti Islam yang terpancar dari al-Qur'an dan Rasulullah.

Malangnya, di Amerika Syarikat dan di kebanyakan tempat di serata dunia, iklim intelektual Islam kering-kontang. Lebih membimbangkan ialah keadaan tradisi ilmu Islam yang semakin hari semakin lemah. Prof. Khaled juga turut runsing apabila terdapat golongan-golongan yang mempergunakan nilai

⁸ Ibid., ms. xix.



moral perundangan Islam untuk kepentingan mereka sendiri, sebagai satu cara untuk menutup dan mengakhiri perbahasan.⁹

Katanya dengan tegas:

I do not hide the fact that I see much ugliness in the reality of Muslims today, and that I think most Muslim discourses are either apologetic and dogmatic, or legalistic and formalistic. In contemporary Muslim discourses, legalism, and the pursuit of pedantic rules have replaced the search for moral or normative values. Result-oriented and unprincipled methodologies of inquiry are quite widespread. Even the so-called reformers or liberals rely on the opportunistic concept of public interest (*maslaha*) to justify what they deem to be socially desirable results. Like the traditionalists or conservatives, they do not bother with systematic methodologies of inquiry or with the search for moral or normative values.¹⁰

Menaikkan palang wacana

Sebagai seorang cendekiawan yang teguh terhadap perkembangan dan pengukuhan tradisi ilmu Islam, Prof. Khaled mengambil sikap yang kritikal terhadap aliran masakini di mana hukum-hukum Islam ditentukan di persidangan-persidangan para ulama yang berkumpul dan membincangkan isu-isu semasa dan kemudiannya mengeluarkan resolusi yang menetapkan sesuatu hukum. Apa yang lebih memilukan ialah kebanyakan ulama tersebut tidak

⁹ Khaled Abou El Fadl, *Hanya Tuhan Mengenal Tentera-Nya* (Kuala Lumpur: Middle-Eastern Graduates Centre, 2007), ms. 13.

¹⁰ *Conference of the Books*, ms. xix. Lihat juga majalah *Inabah*, Sept 2005, ms. 5. Prof. Khaled mengatakan bahawa “if there is ugliness in the life of people, I see that as an absence of Islam and Syariah.”



memahami konteks setempat dan malah hidup di bawah rejim-rejim ketenteraan yang tidak demokratis. Tegurnya:

These are ecclesiastical-like congregations, which attempt to fabricate an enforced orthodoxy. These are councils of fantasized *ijma'*, which ignore the rich legacy of diverse traditions, conflicting opinions, and liberating indeterminacy. Like a medieval Christian council of God's Truth, these congregations produce a liturgy of proclamations and declarations, which seal the discourses of centuries in a matter of days....When have jurists lapsed legal and factual determinations, decided issues with a dogmatic knowledge of context, and crossed oceans to issue dictates? When in our history has *ijma'* been asserted in councils....instead of the schools of thought, juristic discourses, books, and papers, *fatawa* and counter-*fatawa*, preponderence of evidence and preference?¹¹

Prof. Khaled juga mengkritik cendekiawan-cendekiawan seperti Prof. Azizah al-Hibri dan Abdur Rahman I. Doi yang gagal menjelaskan proses penafsiran mereka. Mereka juga gagal membina suatu metodologi yang dapat dijadikan panduan. Hukum-hukum dijadikan titik tumpuan wacana keagamaan sedangkan matlamat dan kaedah Syariah tidak dibangunkan agar selaras dengan perkembangan semasa dalam bidang epistemologi, hermeneutika dan teori sosial. Metodologi mereka dikatakan sebagai “result-oriented” di mana mereka telah terlebih dahulu mencapai keputusan yang dimahukan dan baru kemudiannya melihat kepada sumber-sumber Islam untuk menyokong keputusan itu.

Essentially, contemporary *ijtihad* efforts often were the product of an authoritarian process that yielded closed determinations, which effectively signaled the death of the same legal system that the *ijtihad* efforts hoped to reinvigorate. The usual process, if one can call it a process, of this code-like new *ijtihad* largely consisted of citing some anecdotal evidence or selective reports attributed to the

¹¹ *Conference of the Books*, ms. 156-157.



Prophet, and then declaring the law of God to be such-or-such. So for instance, if a new ijtihadist wanted to argue that women have a right to engage in the political process, he or she would cite the report of the woman who argued with the caliph 'Umar b. al-Khattab regarding placing a cap on the price of dowries. After noting that the woman won the debate and 'Umar admitted that he was at fault, the new ijtihadist would declare whatever rule he or she was seeking to support... Pursuant to these, so called, reformative formulations, Islamic law became a poorly justified and non-persuasive set of rules, and not a methodology for an open process of discourse and determination.¹²

Apa yang diusulkan oleh Prof. Khaled adalah peri pentingnya menaikkan palang bagi wacana-wacana sekitar undang-undang Tuhan serta mutu penghujahan. Ini penting kerana wacana keagamaan akan membabitkan dakwaan tentang kewibawaan. Dalam erti kata yang lain, wacana keagamaan yang harus diberi penghormatan adalah wacana keagamaan yang menepati kewajipan-kewajipan yang sepatutnya, yang menghindari despotisme intelektual serta melibatkan proses meyakinkan pihak lain tentang kewibawaan wacana tersebut.

Pengabdian kepada siapa?

Kritikan Prof. Khaled yang paling keras ditujukan kepada golongan yang diistilahkannya sebagai golongan puritan. Golongan puritan ini menolak semua bentuk pengetahuan sosial bersifat akademik atau kritis. Bukan itu sahaja, salah satu komponen dasar bagi golongan ini adalah 'Islam yang sebenar' ialah yang diamalkan di zaman Rasulullah, empat Khulafa' al-Rasyidin dan Khalifah kelima 'Umar ibn Abdul Aziz. Karya-karya keagamaan golongan ini lebih menekankan kepentingan menyucikan diri sendiri daripada terpengaruh dengan apa-apa yang boleh merosakkan aqidah dan keimanan daripada mengkritik

¹² *Speaking in God's Name*, ms. 171-172. Lihat juga nota kaki 4 dan 5 di ms. 201.



ketidakadilan, jurang kaya-miskin yang membesar dan kelakuan-kelakuan yang bersifat penindasan.

Aliran pemikiran seperti ini nampaknya tumbuh serentak dengan percambahan ekonomi berdasarkan konsumerisme. Membeli dan menggunakan produk komersial buatan Amerika atau Eropah atau hidup bersama konsumerisme tidak dianggap kebaratan sedangkan perbuatan menerap nilai-nilai kesetaraan jender contohnya dikutuk keras sebagai menuruti jejak orang kafir. Jadi, sebarang percubaan untuk membaca atau menafsir sumber-sumber Islam dalam cara yang dapat memberi kebebasan kepada wanita akan segera dibantah.¹³

Golongan agamawan aliran pemikiran puritan ini juga mengistimewakan diri mereka dengan pengetahuan tentang ‘Islam sebenar’ dan meminggirkan semua yang lain sebagai *bid’ah* atau tidak absah. Ujar Prof. Khaled:

The jurists’ claim to authoritativeness is derived from the fact that they are acting as special agents deciphering the instructions of the Principal. Their claim to authenticity is largely dependent on the assertion that they are not innovators in religion (*mubtadi’un fi al-din*), and that their opinions are representative of the *jama’ah* (the critical mass of God-fearing Muslims or orthodoxy). This dual notion of avoidance of *bid’ah* (unlawful innovations in religion) and representing *jama’ah* (orthodoxy) is critical to the legitimacy and authoritativeness of the legal opinions of these jurists. Significantly, both concepts are heavily dependent on the classical juristic tradition for their symbolic value. In other words, both derive their symbolic power from Islamic juristic history. To the extent that the authors of the *responsa* may be constructing a *bid’ah* or deviating from the *jama’ah*, they are no longer representing the true of real Islam, and, therefore, are keen to position themselves as articulators of the authentic Islamic tradition.¹⁴

¹³ Hanya Tuhan Mengenal Tentera-Nya, ms. 7-8.

¹⁴ Speaking in God’s Name, ms. 176.



Apa yang merisaukan juga ialah golongan ini menggunakan sumber-sumber Islam yang berwibawa dan kemudiannya bersegera untuk membentuk wacana keagamaan yang bersifat pemaksa. Dalam ertikata lain, yang paling bermasalah di sini ialah cara sumber Islam diguna, diteroka dan dibentuk semula untuk menghasilkan pemaksaan. Apa yang berlaku ialah golongan ini membentangkan hukum Syariah seolah-olah hukum itu tidak disalurkan menerusi penafsir hukum yang subjektif – seolah-olah kehendak Tuhan dan kehendak penafsir hukum adalah satu dan sama.

Dalam perundangan Islam, apabila seseorang itu menangani hukum Tuhan, beliau wajib untuk menekuninya seteliti mungkin serta menetapkan tahap pengkajian yang tinggi. Selain daripada itu, seseorang itu juga wajib untuk cermat dalam menilai dan menimbang semua bukti-bukti. Ini bererti bahawa sebuah metodologi yang dapat membezakan antara wacana keagamaan yang bersifat wibawa (*authoritative*) dan wacana keagamaan yang bersifat pemaksa (*authoritarian*) perlu diapungkan kepada masyarakat.

Menurut Prof. Khaled lagi,

Despotism, or authoritarianism as used in this book...relates to the acts of those who invoke the symbolism of the juristic interpretive community in support of their arguments. What is of essence is that the actor is invoking a set of symbolisms that co-opt the authority of juristic culture to the actor's service. There is a distinctive culture of symbols that characterizes the juristic interpretive community and these symbols are primarily linguistic in nature.¹⁵

Hujahnya lagi, golongan ini telah gagal untuk melakukan tiga perkara berikut:

¹⁵ Ibid., ms. 97.



(1) Mengemukakan bukti secara adil dan jujur

Peranan antara penafsir hukum dan penghujah sesuatu hukum perlu dibezakan. Seorang penafsir hukum meneliti arahan Tuhan kemudian barulah mencapai keputusan sedangkan seorang penghujah mencapai keputusan dahulu dan barulah mencari arahan-arahan Tuhan yang menyokong keputusannya. Hujah Prof. Khaled:

The quintessential form of selectivity in investigation is when a special agent reaches a particular determination that is in accord with his value-based assumptions, and then proceeds to bolster his determination through a selective reading of the sources... While no special agent is capable of overcoming his subjectivities, it is important for the special agent to make a good-faith attempt to give the text and the author due weight by restraining, to the extent possible, those subjectivities.¹⁶

Contohnya, Prof. Khaled mengkritik sebuah fatwa yang mengharamkan seorang wanita daripada belseyur tanpa diiringi oleh mahramnya (seorang lelaki yang dilarang mengahwininya atas sebab-sebab pertalian). Menurut fatwa tersebut, adalah haram untuk wanita tersebut untuk belseyur lebih dari 80 kilometer tanpa ditemani oleh mahramnya. Panel fatwa tersebut menukil sebuah hadis yang mengharamkan seorang wanita yang percaya kepada Allah dan Rasul-Nya untuk belseyur lebih dari perjalanan satu hari tanpa seorang mahram.¹⁷

Prof. Khaled mempertikaikan bahawa sebagai penafsir hukum, panel fatwa harus lebih teliti dalam membincangkan hukum kerana sebenarnya

¹⁶ Ibid., ms.180.

¹⁷ Ibid., ms. 184. Lihat juga nota kaki 42 di ms. 205.



terdapat kerencaman dalam persoalan ini. Penafsir hukum tidak boleh sewenang-wenangnya mengeluarkan hukum dengan memberi gambaran seolah-olah itulah hukum Tuhan. Tradisi ilmu Islam sebenarnya lebih bernuansa.

Panel fatwa ini telah mengemukakan hukum dengan mengenepikan serta melenyapkan pendapat-pendapat lain yang berhujah bahawa permasalahan ini intipatinya menjurus kepada sudut keamanan dan sekiranya wanita itu berasa aman belseyur seorang diri, maka tidak perlulah diiringi mahramnya. Para ulama silam turut membahas hadis tersebut: apakah hadis ini mengeluarkan suatu hukum yang sifatnya *ubudiyah* (suatu ibadah) atau ianya bergantung pada kemaslahatan umum?

Sebagai penafsir hukum, ahli panel fatwa harus menghormati keutuhan atau integriti teks tersebut dengan menjarakkan diri mereka daripada teks. Ini adalah supaya si penanya boleh membuat perbezaan antara teks dan pemberian makna terhadap teks.

Jikalau panel fatwa tersebut berpegang kepada beberapa tanggapan, seperti tanggapan berdasarkan nilai (*value-based assumptions*) – iaitu, seorang perempuan patut dilindungi oleh seorang mahram; atau tanggapan yang berdasarkan keimanan (*faith-based assumptions*) – iaitu, Tuhan telah menetapkan bahawa wanita tidak boleh belseyur tanpa mahram, maka ahli panel ini sepatutnya mengemukakan tanggapan-tanggapan mereka secara telus.

Apa yang nyata ialah panel fatwa tersebut telah secara tuntas mewujudkan sesuatu hukum yang mutlak (*absolute*) tanpa memberi ruang kepada penanya fatwa untuk mempersoal tanggapan-tanggapan yang barada di dalam diri ahli panel tersebut.



Pastinya, apabila seseorang itu ditanya mengenai hukum Islam dan kemudiannya memberi jawapan hanya berdasarkan mazhab Hanbali, perbuatan seperti ini tidak mencapai kepiawaian yang dituntut. Ini adalah kerana mazhab Hanbali tidak boleh dikatakan sebagai mewakili korpus tradisi ilmu Islam. Apa yang perlu dibuat oleh si penjawab adalah dengan terus terang mengatakan bahawa jawabannya berdasarkan mazhab Hanbali.

Sekiranya ahli panel tersebut mengemukakan tanggapan-tanggapan mereka serta menjelaskan bahawa mereka tidak memainkan peranan sebagai penafsir hukum tetapi penghujah bagi sesuatu hukum, maka tanggungan beban yang terletak di atas pundak mereka terlepas sudah. Terpulanglah kepada si penanya untuk menerima atau tidak. Dalam hal yang sedemikian, kewajiban untuk teliti serta jujur dan terbuka telah dilakukan dan panel fatwa memberikan ruang kebebasan atau autonomi untuk membuat keputusan sendiri.

(2) *Mencapai keselarasan (consistency)*

Di dalam permasalahan yang lain, ahli panel fatwa tersebut telah ditanya apakah hukumnya bagi seorang wanita memakai kasut bertumit tinggi? Dalam nada yang bersifat pemaksa, ahli panel tersebut mengharamkan pemakaian kasut tumit tinggi kerana ianya tidak sihat, berbahaya kerana kemungkinan wanita tersebut tergelincir, dan memakai kasut tumit tinggi mengandungi unsur-unsur penipuan kerana ianya membuatkan wanita tersebut lebih tinggi daripada ketinggian sebenarnya.¹⁸

Dalam permasalahan yang lain pula, ahli panel tersebut ditanya: sah atau tidak pernikahan seorang lelaki yang menikahi seorang perempuan tetapi tidak

¹⁸ Ibid., ms. 178. Lihat juga nota kaki 28 di ms. 205.



memberitahunya bahawa dia ingin menceraikan perempuan itu setelah beberapa bulan? Kali ini, panel fatwa tersebut menukil pendapat-pendapat fuqaha' yang berpendapat bahawa pernikahan ini adalah sah dan tidak timbul di benak para ahli panel tersebut untuk menegur si lelaki kerana menyimpan niat buruk yang sedemikian.¹⁹

Jikalau memakai tumit tinggi diharamkan kerana mempunyai unsur-unsur penipuan, kenapa tidak pernikahan ini? Malangnya, ketidakselarasan ini gagal dijelaskan. Dalam pandangan Prof. Khaled, fatwa-fatwa ini menunjukkan kecuaian dari segi pengekangan diri, ketelitian dan kemunasabahan, dan jikalau dilihat dari perspektif perbandingan, seseorang itu pasti curiga bahawa terdapatnya elemen pemilihan bukti-bukti yang menyokong pendapat panel fatwa dalam membentangkan hujah manakala bukti-bukti yang membangkang pula disenyapkan.

Pastinya, sesiapa yang mengkaji fatwa-fatwa ini akan tertanya-tanya apakah metodologi serta tanggapan-tanggapan yang dibuat oleh ahli panel fatwa tersebut? Apakah proses pengeluaran hukum yang boleh dipelajari agar ianya menjadi panduan kepada generasi akan datang? Sedih sekali bahawa suara yang timbul dalam wacana tersebut adalah suara ahli panel fatwa dan bukannya suara Teks atau Pemilik Teks.

(3) Menggunakan budibicara (discretion) dengan seimbang

Seorang pentafsir hukum seringkali harus berdepan dengan sebuah permasalahan yang memerlukan beliau untuk menggunakan budicara serta mengimbangi kepentingan-kepentingan yang bertembung. Dalam hal yang

¹⁹ Ibid., ms. 179.



sedemikian, kepentingan siapakah yang dikedepangkan? Dan jikalau kepentingan satu pihak itu dikedepangkan, apakah sebab-sebabnya?

Ketika ditanya samada seorang wanita boleh menangguhkan perkahwinan yang diatur keluarganya kerana wanita tersebut mahu melanjutkan pelajarannya, panel fatwa itu mengeluarkan hukum bahawa haram bagi seorang wanita untuk menangguhkan perkahwinannya kecuali sekiranya calon suaminya tidak taat kepada perintah Allah. Persoalan yang timbul adalah atas dasar apakah hukum haram menangguhkan perkahwinan ini dibuat?²⁰

Kalaupun wanita tersebut mempunyai kewajipan untuk berkahwin, kewajipan ini patut diimbangi dengan hak seorang wanita untuk menuntut ilmu (*talab al-'ilm*). Apa yang lebih menyedihkan ialah apabila seorang daripada ahli panel tersebut mengatakan bahawa seorang wanita tidak perlu menuntut ilmu lebih daripada menulis dan membaca.

Sekali lagi, ahli panel ini telah gagal untuk mengemukakan tanggapan-tanggapan mereka yang berdasarkan nilai dan begitu mudah mengenepikan kepentingan wanita tersebut untuk meningkatkan serta mengupayakan dirinya. Lebih dikesali ialah apabila keputusan yang dicapai itu dikedepangkan sebagai hukum Tuhan yang jelas dan tidak boleh dipersoal.

Pastinya, dalam Islam, ada prinsip-prinsip seperti menghormati kedua ibubapa, berkahwin dengan seorang yang taat beragama, menuntut ilmu dan sebagainya tetapi ini tidak semestinya bermakna satu prinsip itu mengatasi prinsip yang lain seperti di dalam sebuah hairaki. Seorang yang taat beragama itu mungkin menyenangkan kedua ibubapa tetapi sekiranya beliau

²⁰ Ibid., ms. 193-4.



membosankan wanita tersebut, ianya akan memberikan kesan kepada wanita tersebut. Yang penting, al-Qur'an menyebut bahawa kehidupan perkahwinan itu disifatkan sebagai sumber ketenangan bagi pasangan tersebut (*mawaddah wa rahmah*) dan ayat ini menjadi suatu petanda bahawa dalam memilih pasangan hidup, kepentingan wanita tersebut untuk menikmati kehidupan *mawaddah wa rahmah* sepatutnya diberikan perhatian.

Permasalahan yang sebegini sebenarnya memerlukan fakta yang terperinci dan tidak ada bukti bahawa ahli panel tersebut mempunyai kelebihan untuk membuat keputusan dengan mengimbangi segala kepentingan-kepentingan yang wujud dalam permasalahan ini dengan baik.

Berbicara atas Nama Tuhan

Karya-karya kesarjanaan Prof. Khaled telah cuba untuk memerah ilham dan panduan dari tradisi ilmu Islam klasik dan kemudiannya memikirkan kerangka kerja normatif yang lebih sesuai untuk zaman kontemporari. Sebagai contoh, Prof. Khaled menghadirkan 5 kebergantungan (*contingencies*) yang perlu dilakukan oleh seorang penafsir agar hukum yang dikeluarkannya bersifat "wibawa", iaitu kejujuran (*honesty*), kesungguhan (*diligence*), menyeluruh (*comprehensiveness*), kemunasabahan (*reasonableness*), dan pengekangan diri (*self-restraint*).²¹ Ini bermaksud seorang penafsir hukum perlu meletakkan taraf kepiawaian yang tinggi terhadap dirinya sebelum beliau mengeluarkan hukum. Tanpa taraf kepiawaian ini, seorang penafsir hukum tadi akan cuai terhadap beban yang dipikulnya serta kepercayaan yang telah diberikan kepadanya.

²¹ Ibid., ms. 54-6.



Seorang penafsir yang mengikut garis pandu yang sedemikian bukan sahaja sekadar mengemukakan dalil-dalil dan pendapat-pendapat para ulama, tetapi secara terbuka mengemukakan proses pemikirannya serta tanggapan-tanggapannya yang mendasari keputusannya. Penafsir yang sedemikian tidak semudah-mudah mengatakan keputusannya adalah hukum Tuhan tanpa memikirkan mengenai perkara-perkara ini.

Contohnya, Prof. Khaled menerangkan bagaimana dua kelompok penafsir hukum boleh berbeza pendapat terhadap sesuatu ayat al-Qur'an.²²

Di dalam surah Al-Baqarah ayat 282, Allah telah berfirman yang maksudnya:

Persaksikanlah hutang itu dengan dua saksi lelaki, dan jika tidak ada dua orang lelaki, cukuplah seorang lelaki dengan dua orang perempuan diantara orang yang kamu redha sebagai saksi, kerana jika lupa salah seorang daripada keduanya, yang lain boleh mengingatkannya.

Berdasarkan ayat ini, sebuah kelompok penafsir hukum boleh mengatakan bahawa:

- i) Persaksian dua wanita sama dengan persaksian seorang lelaki,
- ii) Allah, melalui Nabi-Nya, telah menetapkan bahawa wanita itu secara amnya adalah pelupa, dan
- iii) Ini adalah hukum Tuhan dan sesiapa sahaja yang menolaknya adalah berdosa.

Kelompok penafsir hukum yang lain pula boleh berbeza pendapat dengan mengatakan bahawa:

²² Ibid., ms. 157.



- i) Ayat ini diwahyukan kepada Rasulullah ketika tidak ramai wanita yang menangani isu-isu komersial. Jadi, metodologi yang patut digunakan adalah untuk melihat intipati hukum agar dapat dicernakan nilai-nilai normatif yang sepadan dengan ruh moraliti Islam,
- ii) Tuhan tidak mencipta wanita sebagai pelupa atau kurang upaya, dan
- iii) Al-Qur'an bukanlah teks yang tertutup dan tidak semestinya ada penafsiran yang tunggal serta definitif untuk ayat ini.

Kedua-dua kelompok penafsir hukum ini menggunakan tanggapan-tanggapan berdasarkan keimanan yang berbeza (Tuhan telah mencipta wanita sebagai pelupa ataupun tidak) dan tanggapan-tanggapan berdasarkan nilai yang berbeza (ayat sebegini melindungi wanita berbanding dengan ayat ini harus dibaca dengan nilai kesetaraan). Menurut Prof. Khaled, tanggapan-tanggapan yang sedemikian secara sendirinya tidak mendatangkan masalah tetapi apa yang mendatangkan masalah adalah dengan menutup proses pentafsiran dengan mengatakan bahawa sesuatu keyakinan itu tidak boleh lagi diperbincangkan. Sebaliknya, apa yang sepatutnya diutamakan adalah moraliti proses dan bukannya keputusan yang dikeluarkan. Apa yang disarankan Prof Khaled adalah supaya tanggapan-tanggapan tersebut dikemukakan dengan telus dan terbuka. Katanya:

It is therefore our duty to identify the exact nature of a rule's basic assumptions – is it normative, is it methodological, is it evidentiary, or is it a matter of faith and pietistic conviction? Is the argument one is making related to the most logical way to deduce the law, or is it based on the normative functions of the law or is it integral to the moral message of Islam?

Ini penting agar dapat ditentukan yang mana sebenarnya teks dan yang mana sebenarnya pemberian makna kepada teks kerana pemberian makna kepada teks adalah usaha manusia (*human effort*) yang boleh diterima atau



ditolak. Kenapa ini perlu dilakukan adalah kerana kewibawaan seorang penafsir hukum itu terletak kepada penguasaannya terhadap tradisi ilmu Islam dan bukannya kerana beliau mendapat wahyu dari Tuhan.

Wacana keagamaan yang bersifat “pemaksa” adalah wacana yang meyakini hanya ada satu tafsir tunggal, definitif dan mutlak serta munculnya pemaksaan dalam hal tafsir agama. Sedangkan wacana yang “wibawa” tidak bersifat memaksa melainkan memberi penghujahan yang kuat, berlandaskan tradisi ilmu yang ampuh lagi kukuh. Di samping itu, tafsir yang bersifat “wibawa” itu menghargai adanya keragaman (*diversity*) dan kerencaman (*complexity*) dalam tafsir.

Kata Prof. Khaled lagi:

[R]especting the integrity and independence of the text and respecting the absolute autonomy of the Divine means that no interpretive community or individual can forever foreclose the possibility of re-engaging and re-examining the text or the Divine Will.

Adakah moraliti perkataan yang buruk?

Sebagai contoh, satu permasalahan yang telah difikir ulang and dikaji semula adalah perhambaan (*slavery*). Sekarang ini, rata-rata umat Islam menolak kehadiran sistem perhambaan walaupun sumber-sumber tradisi ilmu Islam ada memperkatakan tentang perhambaan. Walaupun al-Qur'an tidak mengharamkan perhambaan, ia jelas menggalakkan pembebasan hamba. Al-Qur'an serta Rasulullah melalui perbuatannya dan percakapannya, juga turut mengarahkan manusia kepada persaudaraan, kesetaraan, memecahkan rantai



penindasan dan menegakkan keadilan. Jika demikian, maka wajar bagi umat Islam untuk berusaha memenuhi tuntutan nilai-nilai moral sejagat yang bersumber dari al-Qur'an serta panduan Rasulullah. Kaedah yang paling berkesan untuk mencapai nilai moral pembebasan ini ialah dengan mengharamkan perhambaan.²³

Menurut Prof. Khaled, " [w]e search the Divine Will through several avenues of evidence. Among the avenues of evidence are textual sources and cultural practices. However, the Divine Will must also be searched through a moral and ethical inquiry."²⁴

Pendekatan yang disaran Prof. Khaled bukan merupakan lesen untuk sewenang-wenang mengubah peruntukan-peruntukan yang sedia ada dengan menggunakan topeng moraliti. Apa yang disarankan adalah supaya moraliti yang berasaskan sumber-sumber Islam ini diberi penghormatan yang sejajar. Ini patut diselidik, diterokai, dikaji, difahami dan diterapkan. Semakin besar dampak sesebuah peruntukan, semakin perlu seseorang itu berkewajipan untuk meneliti peruntukan tersebut dengan lebih cermat. Setelah dengan cermat menilai kesan sesebuah peruntukan dan setelah meneliti ketulenannya, sebab-sebab operatifnya, dan tujuannya, maka kita mungkin perlu merumuskan bahawa ia tidak mungkin lagi dipatuhi tanpa melanggar nilai-nilai sejagat Syariah.

Dan dalam hal ini, seorang penafsir hukum itu perlu memahami keutamaan normatif Syariah. Beliau perlu menyelidik matlamat serta kesan peruntukan-peruntukan yang sedia ada terhadap golongan-golongan yang

²³ Hanya Tuhan Mengenal Tentara-Nya, ms. 172-3.

²⁴ Conference of the Books, ms. 115.



memikul beban dari kesan tersebut. Beliau perlu berhenti sejenak and memikir ulang matlamat peruntukan-peruntukan tersebut dan melihat semula jika ia mencapai matlamat moralnya. Jika peruntukan-peruntukan tersebut menghimbau pelbagai nilai-nilai moral yang bertembung, si penafsir hukum perlu menemukan keseimbangan antara nilai-nilai moral tersebut.²⁵ Apa yang penting bagi si penafsir hukum adalah supaya penafsirannya tekal dengan penggunaan akal serta rahmah. Tulis Prof. Khaled:

Whether in the written text or in the texts of creation, the Divine Will is the most crucial guide and foundation. Politics without law is nothing but opportunism, and law without morality is nothing but despotism, and morality unless guided by the Divine Will risks becoming nothing more than a concession to whim. But the search for the Divine Will, if not anchored in reason and compassion, risks becoming a draconian affirmation of the most base and mundane subjective desire and impulse.

Hanya Tuhan mengenal tentera-Nya

Dengan peredaran zaman, sistem-sistem seperti perhambaan²⁶ boleh muncul dalam bentuk yang baru. Sifat-sifat yang buruk seperti kerakusan²⁷ mendatangkan kesan yang besar kepada masyarakat, lebih-lebih lagi jikalau si pelaku diberi kepercayaan serta kuasa. Masyarakat pastinya boleh bersatu hati menentang keburukan-keburukan ini sekiranya mereka masih sensitif terhadap

²⁵ Hanya Tuhan Mengenal Tentera-Nya, 174.

²⁶ US Department of State (2007), "Trafficking in Persons Report" di <http://www.state.gov/g/tip/rls/tiprpt/2007/>.

²⁷ BBC News, "Enron Scandal at a Glance" di <http://news.bbc.co.uk/1/hi/business/1780075.stm>.



permasalahan-permasalahan tersebut. Ini yang perlu dilakukan dan diapungkan oleh golongan cendekiawan.

Walaupun begitu, suatu keburukan yang tidak kurang kesannya serta lebih menjalar (*insidious*) adalah pengabdian mental atau “normalized domination”²⁸ bagi mereka yang tidak diberi ruang kebebasan dan autonomi atau jalan keluar. Mereka terikat dengan suatu keadaan tanpa diberi keupayaan untuk memilih jalan yang lain.

Karya-karya kesarjanaan Prof. Khaled jika dilihat dari sudut ini patut diberi penghargaan kerana beliau telah mengartikulasi serta menghadirkan suatu metodologi penafsiran hukum Islam yang dapat membantu seseorang itu membezakan antara wacana keagamaan yang bersifat wibawa dan wacana keagamaan yang bersifat pemaksa. Memetik hujah Prof. Khaled sekali lagi:

God's Will must be discovered through its evidence and signs. The voices aspiring to comprehend the Divine Will are authoritative indicators, but they never become the embodiment of the Divine. These voices might be authoritative but they must never become authoritarian. *Riyad al-Salihin* and *Sahih al-Bukhari* are raw materials – raw indicators to the Will of the Divine. The materials could be used to construct either the authoritative or the authoritarian. If the authoritarian is constructed, the text is rendered subservient and submerged into its representer and reader. If the authoritative is constructed, the text survives unencumbered and unlimited by its representer and reader.²⁹

²⁸ Sherman A. Jackson, “Literalism, Empiricism, and Induction: Apprehending and Concretizing Islamic Law’s Maqasid Al-Shariah in the Modern World,” *Michigan Law Review* (2006), ms. 1483. Menurut beliau, “[n]ormalized domination occurs when humans are reduced to such a state of self-doubt and/or self-contempt that they internalise the vague and inextricable feeling that they can only redeem themselves by living up to the norms and expectations of those who seek to exploit them.”

²⁹ *Conference of the Books*, ms. 55.



Mungkin wajar di sini untuk berakhir di mana Prof. Khaled telah memulakan perbincangan. Di dalam buku Prof Khaled *Speaking in God's Name*, Prof. Khaled memulakan perbincangan di dalam bab pertamanya dengan menukil ayat al-Qur'an yang terjemahannya ialah "tiada siapa yang boleh mengenal tentera-tentera Tuhan kamu kecuali Dia".³⁰ Prof. Khaled kemudiannya menerangkan mengenai dinamika penafsiran yang wujud dalam ayat ini dan mengulas bahawa ayat ini pada beliau memberi isyarat kepada penidakan sifat-sifat pemaksa (*authoritarian*). Pesan Prof. Khaled yang berikut juga harus diberi perhatian:

"[W]hile we seek to discover the Divine Will, we never come to embody it. While we search the truth, we are not the truth."³¹

³⁰ Al-Qur'an 74:31.

³¹ *Conference of the Books*, ms. 55.



Bibliografi

Buku

- Khaled Abou El Fadl, 2001. *Conference of the Books: The Search for Beauty in Islam.* Maryland: University Press of America.
- _____, 2001. *Speaking in God's Name: Islamic Law, Authority and Women.* Oxford: Oneworld Publications.
- _____, 2007. *Hanya Tuhan Mengenal Tentera-Nya.* Terjemahan Al-Mustaqeem Mahmud Radhi. Kuala Lumpur: Middle-Eastern Graduates Centre Sdn. Bhd. (MEGC).

Makalah dan Majalah

Inabah, Special Edition: Professor Khaled Abou El Fadl, Sept 2005.

Khaled Abou El Fadl, 2003. "Can Individual Rights and Popular Sovereignty Take Root in Faith?" *Boston Review*, Apr/May 2003.

Sherman A. Jackson, 2006. "Literalism, Empiricism, and Induction: Apprehending and Concretizing Islamic Law's Maqasid Al-Shariah in the Modern World," *Michigan State Law Review*.